

KEKAL PACU PEMBANGUNAN
MAMPAN

Optimis
PAKATAN
kekal

UTAMA
ms 3



RAKYAT ZAHIR
RASA GEMBIRA

Penduduk
Sementa bijak
menilai

UTAMA
ms 6/7



Jangan ketinggalan!
Laporan PENUH
calon PRU14 dalam
SelangorKini
(Edisi 3-9 Mei 2018)



EDISI
KHAS
No.5

SELANGOR **KINI**

P e d u l i

SELANGOR MASA DEPAN MALAYSIA

www.selangorkini.my

30 APRIL- 4 MEI 2018 | 14-18 Syaaban 1439H www.selangorkini.my [Media_Selangor](#) [MediaSelangor](#) [selangortv.my](#) [SMARTSelangor](#)

PERCUMA

BANGKIT

DEMI MASA DEPAN NEGARA



Imbas kod QR ini untuk
muat turun aplikasi
tehtARiq

1



Muat turun **tehtARiq**
dari apps store

2



Imbas imei dengan
ikon ini

3



Tonton Klik
TVSelangor



SENARAI CALON PILIHAN RAYA NEGERI SELANGOR

The map displays the geographical layout of Selangor, divided into 60 constituencies. Each constituency is color-coded and labeled with its number (e.g., N01, N02, P092, N03, P093, N04, P094, N05, N06, P095, N07, P096, N08, N09, P097, N10, N11, N12, P098, N13, N14, N15, N16, N17, N18, P099, N19, N20, N21, N22, N23, N24, N25, N26, N27, N28, N29, N30, N31, N32, N33, N34, N35, N36, N37, N38, N39, N40, N41, N42, N43, N44, N45, N46, N47, N48, N49, N50, N51, N52, N53, N54, N55, N56, P100, P101, P102, P103, P104, P105, P106, P107, P108, P109, P110, P111, P112, P113). Lines connect the candidate names to their respective constituencies on the map.

P. 092 SABAK BERNAM
WARNO DOGOL
DATUK MOHD. FASIAH MOHD FAKEH
MUHAMMAD LABIB ABDUL JALIL
PAKATAN BN PAS

N. 01 SUNGAI AIR TAWAR
HAMIZAR SULAIMAN
RIZAM ISMAIL
ZAMRI YAHYA
PAKATAN BN PAS

N. 02 SABAK
AHMAD MUSTAIN OTHMAN
SALLEHUDIN MOHD. ISKAN
SALLEHEN MUKHYI
PAKATAN BN PAS

N. 14 RAWANG
CHUA WEI KIAT
CHAN WUN HOONG
KONG TUCK WAH
AZMAN MOHD NOOR
PAKATAN BN PAS BEBAS

N. 15 TAMAN TEMPLER
MOHD. SANY HAMZAN
DATUK IR. MD. NASIR IBRAHIM
ZAIDY ABDUL TALIB
KOH SWE YONG
B. RAJANDRAN
PAKATAN BN PAS PRM PAP

P. 098 GOMBAK
DATUK SERI MOHAMED AZMIN ALI
DATUK ABDUL RAHIM PANDAK KAMARUDIN
KHAIRIL NIZAM KHIRUDIN
PAKATAN BN PAS

N. 21 PANDAN INDAH
IR. IZHAM HASHIM
MOHD. HANIFF KOSLAN
DATUK ISKANDAR ABDUL SAMAD
PAKATAN BN PAS

N. 22 TERATAI
LAI WAI CHONG
LIEW POK BOON
MOHD IRMAN ABDUL WAHAB
JENICE LEE YING HA
PAKATAN BN PAS PRM

P. 101 HULU LANGAT
HASANUDDIN MOHD YUNUS
AZMAN AHMAD
CHE ROSLI CHE MAT
PAKATAN BN PAS

N. 23 DUSUN TUA
EDRY FAIZAL YUSOF
MOHD. ZIN ISA
RAZALY HASSAN
PAKATAN BN PAS

P. 103 PUCHONG
GOBIND SINGH DEO
DATUK ANG CHIN TAT
MOHD. ROSHARIZAN MOHD ROZLAN
PAKATAN BN PAS

N. 28 SERI KEMBANGAN
EAN YONG HIAN WAH
CHANG TOONG WHO
PAKATAN BN PAS

N. 29 SERI SERDANG
DR. SITI MARIAM MAHMUD
DATUK MOHAMMAD SATIM DIMAN
NOOR HANIM ISMAIL
PAKATAN BN PAS

P. 104 SUBANG
WONG CHEN
TAN SEONG LIM
MOHD. SHAHIR MOHD. ADNAN
TOH SIN WAH
PAKATAN BN PAS BEBAS

N. 30 KINRARA
NG SZE HAN
CHIEW KAI HENG
DATUK LIM YING RAN
PAKATAN BN PAS

N. 31 SUBANG JAYA
MICHELLE NG
MEJAR (B) CHONG AH WATT
DATUK SERI MOHAMAD BADRI
ABD. RAHMAN
PAKATAN BN PAS

P. 105 PETALING JAYA
MARIA CHIN ABDULLAH
DATUK CHEW HIAN TAT
NORAINI HUSSIN
PAKATAN BN PAS

N. 32 SERI SETIA
DR. SHAHARUDDIN BADARUDIN
DATUK YUSOFF M. HANIFF
MOHD GHAZALI DAUD
PAKATAN BN PAS

N. 33 TAMAN MEDAN
SYAMSUL FIRDAUS MOHAMED
SUPRI
ABDUL MUTALIF ABD. RAHIM
ARIFFIN MAHAJUDDIN
PAKATAN BN PAS

P. 108 SHAH ALAM
KHALID ABDUL SAMAD
DATUK SERI AZHARI SHAARI
MOHD ZUHDI MARSUKI
PAKATAN BN PAS

N. 40 KOTA ANGGERIK
NAJWAN HILMI
JUMA'EH MASDI
AHMAD DUSUKI ABD RANI
PAKATAN BN PAS

N. 41 BATU TIGA
RODZIAH ISMAIL
DATUK AHMAD MUADZAM SHAH YAAKOP
ABDUL HALIM OMAR
PAKATAN BN PAS

P. 109 KAPAR
DATUK ABDULLAH SANI HAMID
DATUK M. MOHANA
DR. ABDUL RANI OSMAN
S. MANIKAVASAGAM
PAKATAN BN PAS PRM

N. 42 MERU
FAKHRULRAZI MOHD MOKHTAR
KHAIRUL ANUAR SAIMUN
NOR NAJHAN MOHD SOLEH
S. MANIKAVASAGAM
PAKATAN BN PAS PRM

N. 43 SEMENTA
DR. DAROYAH ALWI
DATUK SARONI JUDI
WAN HASRINA WAN HASSAN
N. GHANDI
PAKATAN BN PAS PRM

N. 44 SELAT KLANG
DATUK ABDUL RASHID ASARI
DR. MOHD. KHAIRI HUSSIN
DR. HALIMAH ALI
JEICHANDRAN WADI VELU
PAKATAN BN PAS PRM

N. 45 BANDAR BARU KLANG
DATUK TENG CHANG KHIM
TEOH KAH YEONG
PAKATAN BN PAS

P. 110 KLANG
CHARLES ANTHONY SANTIAGO
DATUK CHIN EU BOON
KHAIRULSHAH KOTAPAN ABDULLAH
G. PUVANANDERAN
PAKATAN BN PAS BEBAS

N. 46 PELABUHAN KLANG
AZMIZAM ZAMAN HURI
DATUK SHEIKH RAJESH SHEIKH AHMAD
KHALID NAYAN
V. SHANMUGA SUNDRAM
PAKATAN BN PAS PSM

N. 47 PANDAMARAN
TONY LEONG
TEE HOOI LING
G.S SANTOKH SINGH
PAKATAN BN PAS

N. 48 SENTOSA
DR. GUNARAJ GEORGE
R. SUBRAMANIAM
RAJAN MANIKESAVAN
M. TELAI AMBLAM
PAKATAN BN PAS PRM

P. 111 KOTA RAJA
MOHAMAD SABU
V. GUNALAN
MOHAMED DIAH BAHARUN
PAKATAN BN PAS

N. 49 SUNGAI KANDIS
SHUHAIMI SHAFIE
DATUK KAMARUZZAMAN JOHARI
MOHD. YUSOF ABDULLAH
HANAFIAH HUSIN
PAKATAN BN PAS PSM

N. 50 KOTA KEMUNING
V. GANABATHIRAO
TIEW HOCK HUAT
BURHAN ADNAN
ABDUL RAZAK ISMAIL
PAKATAN BN PAS PSM

P. 112 KUALA LANGAT
DR. XAVIER JAYAKUMAR ARULANANDAM
SHAHRIIL SUFIAN HAMDAN
DATUK YAHYA BABA
PAKATAN BN PAS

N. 51 SIJANGKANG
ROZANAH ROSLAN
DATUK SULAIMAN KARLI
DATUK DR. AHMAD YUNUS HAIRI
PAKATAN BN PAS

N. 52 BANTING
LAU WENG SAN
NG SIOK HWA
TAN CHONG SWEE
PAKATAN BN PAS PRM

N. 53 MORIB
HASNUL BAHARUDDIN
ROZANA KAMARUZZAMAN
DR. SALAHUDIN HAFIZ
PAKATAN BN PAS

P. 113 SEPANG
MOHAMED HANIPA MAIDIN
DATUK MARSUM PAING
SABIRIN MARSONO
PAKATAN BN PAS

N. 54 TANJONG SEPAT
BORHAN AMAN SHAH
DATUK DR. KARIM MANSOR
IR. MOHD HASLIN HASSAN
PAKATAN BN PAS

N. 55 DENGKIL
ADIF SYAN ABULLAH
SHAHRUM MOHD SHARIF
YUSMI HANIF ARIFFIN
PAKATAN BN PAS

N. 56 SUNGAI PELEK
RONNIE LIU
NG CHOK SINNG CHOK SIN
ROHAYA MOHD SHAHIR
HARRY ARUL RAJ KRISHNAN
PAKATAN BN PAS PAP

N. 03 SUNGAI PANJANG
MARIAM ABD RASHID
IMRAN TAMRIN
MOHD RAZALI SHAARI
PAKATAN BN PAS

N. 04 SEKINCHAN
NG SUEE LIM
LEE YEE YUAN
FAZDLIN TASLIMIN
PAKATAN BN PAS

P. 094 HULU SELANGOR
LEOW HSIAD HUI
DATUK P. KAMALANATHAN
DR. WAN MAT SULAIMAN
P. KUMAR
PAKATAN BN PAS BEBAS

N. 05 HULU BERNAM
MOHD AMRAN SAKIR
DATUK ROSNI SOHAR
MOHAMMED SALLEH RI
PAKATAN BN PAS

N. 06 KUALA KUBU BAHARU
LEE KEE HIONG
DATUK WONG KOON MUN
NAHARUDIN ABDUL RASHID
PAKATAN BN PAS

N. 07 BATANG KALI
HARUMAINI OMAR
DATUK MAT NADZARI AHMAD DAHLAN
MOHD HASNIZAN HARUN
PAKATAN BN PAS

P. 095 TANJONG KARANG
DATUK DR. ZULKAFPERI HANAPI
TAN SRI NOH OMAR
NOR AZ AZLAN AHMAD
PAKATAN BN PAS

N. 08 SUNGAI BURONG
MOHD TARMIZI LAZIM
DATUK MOHD SHAMSUDIN LIAS
MOHD ZAMRI MOHD ZAINULDIN
PAKATAN BN PAS

N. 09 PERMATANG
ROZANA ZAINAL ABIDIN
DATUK SULAIMAN ABDUL RAZAK
MUHAMMAD JAFARUDDIN SYEIK DAUD
PAKATAN BN PAS

P. 096 KUALA SELANGOR
DR. DZULKEFLY AHMAD
DATUK IRMOHIZAM IBRAHIM
MOHD FAKARUDDIN ISMAIL
PAKATAN BN PAS

N. 10 BUKIT MELAWATI
JUWAIRIYA ZULKIFLI
JAKIRAN JACOMAH
MUHAMMAD RASHID MUHAMMAD KASSIM
PAKATAN BN PAS

N. 11 IJOK
IDRIS AHMAD
K.R. PARTHIBAN
JEFFRI MEJAN
T. KUMARAN
PAKATAN BN PAS PRM

N. 12 JERAM
MOHD SHAID ROSLI
ZAHAR AZLAN ARIFFIN
MOHD. NOR MOHD SHAHAR
PAKATAN BN PAS

P. 097 SELAYANG
WILLIAM LEONG JEE KEEN
KANG MENG FUAT
DATUK HASHIM ABDUL KARIM
PAKATAN BN PAS

N. 13 KUANG
SALLEHUDIN AMIRUDDIN
DATUK ABDUL SHUKUR IDRUS
MOHD. FAUZAN MADZLAN
MOHD RAFIE MOHAMMAD ARIF
PAKATAN BN PAS PRM

N. 16 SUNGAI TUA
AMIRUDIN SHARI
DATUK N. RAWISANDRAN
MOHAMMAD IBRAHIM
BADRUL HISAM MD ZIN
PAKATAN BN PAS BEBAS

N. 17 GOMBAK SETIA
MOHD HILMAN IDHAM
DATUK MEGAT ZULKARNAIN MEGAT OMAR
DIN
HASBULLAH MOHD RIDZWAN
PAKATAN BN PAS

N. 18 HULU KELANG
SAARI SUNGI
ISMAIL AHMAD
KAMALULHYSHAM MOHD SUHUT
PAKATAN BN PAS

P. 099 AMPANG
ZURAIHAH KAMARUDIN
LEONG KIM SOON
NURUL ISLAM MOHAMED YUSOFF
TAN HUA MENG
PAKATAN BN PAS PRM

N. 19 BUKIT ANTARABANGSA
DATUK SERI MOHAMED AZMIN ALI
SALWA YUNUS
SYARIFAH HASLIZAH SYED ARIFFIN
AHMAD KAMARUDIN
AZWAN ALI
PAKATAN BN PAS PRM BEBAS

N. 20 LEMBAH JAYA
HANIZA TALHA
MUHAMAD NIZAM SHITH
KHASIM ABDUL AZIZ
NORIZWAN MOHAMED
PAKATAN BN PAS PRM

P. 100 PANDAN
DATUK SERI DR. WAN AZIZAH
DATUK LEONG KOK WEE
MOHAMED SUKRI OMAR
LEE YING HA
PAKATAN BN PAS PRM

N. 24 SEMENYIH
MOHD. RAIS ZULKIFLI
DATUK JOHAN ABDUL AZIZ
MAD SHAMOUR MAD KOSIM
S. ARUTCHELVAN
PAKATAN BN PAS PSM

P. 102 BANGI
DR ONG KIAN MING
DATUK LIEW YUEN KEONG
MOHD SHAFIE NGAH
WAN JINN WOIE
PAKATAN BN PAS PRM

N. 25 KAJANG
HEE LOY SIAN
TEH YEOW MENG
ZAITON AHMAD
WAN JINN WOIE
PAKATAN BN PAS PRM

N. 26 SUNGAI RAMAL
MAZWAN JOHAR
MEJAR (B) ABDUL RAHIM MOHD. AMIN
NUSHI MAHFOOZ
PAKATAN BN PAS

N. 27 BALAKONG
EDDIE NG
LIM CHIN WAH
MOHAMAD IBRAHIM GHAZALI
PAKATAN BN PAS

N. 34 BUKIT GASING
RAJIV RISHYAKARAN
CHAI KO THING
DATUK SERI DAVID SEW KAH HENG
PAKATAN BN PAS

P. 106 DAMANSARA
TONY PUA KIAM WEE
HO KWONK XHENG
DATUK WONG MUN KHEONG
PAKATAN BN PAS PRM

N. 35 KAMPUNG TUNKU
LIM YI WEI
TAN GIM TUAN
PAKATAN BN PAS

N. 36 BANDAR UTAMA
JAMALIAH JAMALUDDIN
CH'NG SOON CHAU
PAKATAN BN PAS

N. 37 BUKIT LANJAN
ELIZABETH WONG KEAT PENG
SYED ABDUL RAZAK SYED LING ALSAGOF
PAKATAN BN PAS

P. 107 SUNGAI BULOH
SIVARASA RASIAH
A. PAKAS RAO
NURIDAH MOHD SALLEH
ZAINURIZZAMAN MOHARAM
PAKATAN BN PAS PSM

N. 38 PAYA JARAS
MOHD KHAIRUDIN OTHMAN
ZEIN ISMA ISMAIL
MOHD. HANAFI ZULKAPLI
PAKATAN BN PAS

N. 39 KOTA DAMANSARA
SHATIRI MANSOR
DATUK HALIMATON SAADIAH BOHAN
SITI ROHAYA AHAD
SIVARAJAN ARUMUGAM
PAKATAN BN PAS PSM

Hilman dan Najwan pikul aspirasi golongan muda

OLEH NAZLI IBRAHIM nazli@mediaselangor.com
& SYAZWANI SUFIAN syazwanisufian@mediaselangor.com

GOMBAK Calon bagi kawasan pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) Gombak Setia, Mohd Hilman Idham, mampu memikul tugas dan tanggungjawab sebagai Ahli Dewan Negeri jika menang kerusi itu nanti.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, Hilman memiliki pengalaman panjang sebagai pembantunya sebelum dilantik sebagai pegawai khas sebaik beliau dilantik sebagai Dato' Menteri Besar.

"Sebagai Pegawai Khas Dato' Menteri Besar, beliau banyak berurusan dengan jabatan kerajaan dan ini mengajarnya selok-belok pentadbiran," katanya ketika menghadiri Program Menyantuni Petugas dan Masyarakat DUN Gombak Setia (N.17), di Taman Seri Gombak, di sini, pada 27 April lalu.

Sementara itu, calon baharu bagi DUN Kota Anggerik, Najwan Halimi, tidak gentar bertembung dua lagi calon daripada Barisan Nasional (BN) dan PAS.

Najwan memberikan keyakinan bahawa suara anak muda yang lebih segar, luas serta berfikiran jauh akan dapat memberikan keyakinan kepada rakyat.

"Saya akui, calon yang bakal saya hadapi daripada BN adalah seorang wanita hebat dan calon PAS adalah guru agama.

“ Saya juga yakin rakyat khususnya anak muda memerlukan sesuatu yang baru dan lebih segar.

NAJWAN HALIMI
CALON DUN KOTA ANGGERIK

Saya hormati mereka sebagai pesaing, namun semangat memperjuangkan dan membela rakyat tetap saya pegang.

"Saya juga yakin rakyat khususnya anak muda memerlukan sesuatu yang baru dan lebih segar kerana di Selangor juga Shah Alam khususnya majoriti pengundi adalah golongan ini," katanya.

Najwan berkata, untuk membentuk anak muda dalam komposisi yang lebih besar juga sudah semestinya memerlukan wakil dalam kalangan mereka.

"Selain itu, saya juga percaya untuk memahami aspirasi dan suara anak muda perlunya seorang wakil rakyat daripada kalangan mereka juga kerana tujuan kita hanya ingin membawa kemenangan di Selangor, seterusnya di Putrajaya," katanya.



KEKAL PACU PEMBANGUNAN MAMPAN

Optimis cipta lebih banyak kejayaan

Pimpinan Pakatan Harapan (PAKATAN) Selangor bersedia untuk kekal memacu pembangunan mampan di negeri itu, kata Pengerusinya, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali. OLEH **ERMIZI MUHAMAD** noraizie@mediaselangor.com

GOMBAK Beliau berkata, pembangunan pentadbiran PAKATAN sejak dua penggal lalu dianggap sebagai 'kejayaan terbesar' bagi merencanakan lagi agenda pembangunan, di negeri termaju itu.

"Kejayaan ini menjadikan rakyat Selangor amat selesa, selamat dan sejahtera berada di bawah kepimpinan PAKATAN.

"Atas pertimbangan itu, saya yakin rakyat akan terus mengekalkan PAKATAN untuk membangunkan negeri juga kesejahteraan kepada mereka," katanya.

Mohamed Azmin yakin, calon PAKATAN bagi tempoh Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) adalah legasi kepimpinan yang mampu mengangkat martabat kemajuan Selangor.

Katanya, rekod kerja dan prestasi kepimpinan mereka di peringkat akar umbi serta negeri mampu menerajui kepimpinan Selangor.

"Saya yakin, mereka boleh mendapatkan sokongan kuat daripada masyarakat memandangkan prestasi dan rekod kerja yang sangat baik, di lapangan.

"Kita mempunyai banyak kejayaan dan berita baik yang boleh dikongsikan kepada rakyat, dalam tempoh 10 tahun ini.

"Buktinya, kita kekal sebagai negeri termaju selain terus menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara. Prestasi terbaik ini boleh dirujuk rakyat secara amnya," katanya.

Terdahulu, Mohamed Azmin bercakap kepada pemberita selepas hadir menyerahkan borang pencalonan P.098 Parlimen Gombak, di Pusat Penamaan Calon Sungai Pusu, di sini, pada 28 April lalu.

“ Saya harap anda semua keluar mengundi dan mengajak lebih ramai berbuat demikian.



MARIA CHIN ABDULLAH
CALON P.105 PARLIMEN
PETALING JAYA

Masa terbaik jadikan BN pembangkang

OLEH **AFIX REDZUAN** syafiq@mediaselangor.com

PETALING JAYA PILIHAN Raya Umum ke-14 (PRU14) adalah detik terbaik untuk menobatkan Barisan Nasional (BN) sebagai pembangkang, di peringkat Persekutuan.

Calon P.105 Parlimen Petaling Jaya, Maria Chin Abdullah berkata, perkara itu mampu direalisasikan jika lebih 90 peratus pengundi keluar mengundi dan memilih Pakatan

Harapan (PAKATAN).

"Saya harap anda semua keluar mengundi dan mengajak lebih ramai berbuat demikian.

"Jika dapat 90 peratus pengundi dan mengundi PAKATAN, maka kita berpeluang mengubah kerajaan.

"Kita ada peluang lima tahun untuk tunjuk kepada rakyat. Ini juga peluang ajar BN jadi pembangkang," katanya

ketika menyampaikan ceramah kelompok, di Jalan Aman 3/59, di sini, pada 28 April lalu.

Katanya, perubahan yang ingin dilakukan pasti mempunyai risiko dan rakyat bersedia melakukannya kerana sudah bersabar lebih 60 tahun, di bawah pimpinan BN.

"Kita dah sabar lebih 60 tahun kerana takut tidak dapat manfaat. Rakyat faham, jika nak

kehidupan lebih bagus, maka perlu ambil risiko," katanya.

Sementara itu, calon N.33 DUN Taman Medan, Syamsul Firdaus Mohamed Supri dalam ucapannya berkata, prestasi cemerlang ditunjukkan PAKATAN dalam tempoh 10 tahun mentadbir membuktikan mereka mampu melakukan lebih baik berbanding BN.

7

LANGKAH PENGUNDIAN



PENGUNDI DIMINTA BERATUR DI PINTU MASUK BILIK MENGUNDI

1

Sila masuk apabila dibenarkan oleh polis yang mengawal di pintu masuk

2

Serahkan MyKad/ Dokumen Pengenalan dan slip semakan kepada Kerani Pengundian Pertama. Tunjukkan tangan untuk diperiksa dan tiada calitan dakwat kekal pada jari

3

Bergerak ke hadapan Kerani Pengundian Kedua. Letakkan tangan di atas pad dakwat kekal untuk calitan jari dan tunggu nama anda dipanggil

4

Selepas jari ditandakan dakwat kekal dan sebelum kertas undi dikeluarkan, Kerani Pengundian Pertama akan membuat tanda pada nombor dan nama anda dalam buku daftar pemilih. Dapatkan kertas undi daripada Kerani Pengundian Ketiga

5

Maju ke petak undi dan tandakan X pada ruang calon dalam kertas undi anda. Pilih satu calon sahaja

KERANI PENGUNDIAN

EJEN TEMPAT MENGUNDI

SEMUA PROSES PENGUNDIAN DIPERHATIKAN OLEH EJEN-EJEN CALON YANG BERTUGAS

6

Masukkan kertas undi ke dalam peti undi masing-masing untuk Dewan Undangan Negeri dan Parlimen

7

Keluar segera dari Tempat Mengundi

KETUA TEMPAT MENGUNDI

SEKIRANYA ADA PERTANYAAN ATAU MEMERLUKAN BANTUAN, SILA RUKUK KEPADA KETUA TEMPAT MENGUNDI

Rakyat tolak taktik kotor

OLEH NORHAYATI UMOR hayati@mediaselangor.com



“Walaupun persempadanan semula menyaksikan 33 kerusi mempunyai majoriti pengundi Melayu tetapi rakyat Selangor ketika ini sangat ‘celik’.

SHUHAIMI SHAFIEI
SETIAUSAHA POLITIK

—SHAH ALAM
PENINGKATAN sokongan rakyat terhadap kepimpinan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamad Azmin Ali, meningkat kepada 65 peratus.

Setiausaha Politiknya, Shuhaimi Shafiei berkata, sokongan memuncak itu meninggalkan peratusan sokongan terhadap mantan menteri besar terdahulu.

“Lebih tiga tahun, Mohamed Azmin menerajui Kerajaan Negeri berasaskan kekuatan itu dan PAKATAN yakin membina lakaran baru.

“Sokongan kepada KEADILAN turut melepasi tahap 44 peratus. Jika dicampur dengan gabungan AMANAH dan BERSATU, pastinya sokongan ini memberi kekuatan untuk kita bertempur, pada pilihan raya kali ini,” katanya.

Shuhaimi menyifatkan, sudah pasti rakyat akan menterjemahkannya di kertas undi dengan lakaran sejarah baru yang akan dicipta PAKATAN, malahan keyakinan itu berasaskan idealisme dan karisma Mohamed Azmin.

“Walaupun persempadanan

semula menyaksikan 33 kerusi mempunyai majoriti pengundi Melayu tetapi rakyat Selangor ketika ini sangat ‘celik’.

“Taktik ini pastinya lakaran Barisan Nasional (BN) untuk menang. Kami pernah berada dalam parti itu dan tahu cara bagaimana BN mahu melakar kemenangan,” katanya.

Beliau menyifatkan, taktik BN itu tidak sesuai dilaksanakan di Selangor kerana hampir 60 peratus kaum Melayu terdedah kepada media alternatif dan sumber yang tidak terhad.

“Mungkin BN boleh bawa taktik ini ke negeri lain kerana ia tidak sesuai untuk Selangor,” katanya.

Peningkatan sokongan berbanding 58 peratus sebelum ini mengesahkan kredibiliti kepimpinan Mohamed Azmin berada di kelasnya tersendiri.

AIR PERCUMA

Jika negeri BN ikut, ghuyup!

Kerajaan Negeri membelanjakan RM180 juta setahun bagi membiayai skim pemberian air percuma untuk rakyat Selangor.

OLEH NAZLI IBRAHIM nazli@mediaselangor.com

—GOMBAK
DATO' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin berkata, pembiayaan air percuma itu adalah satu jumlah yang besar dan ia sama sekali tidak mampu ditanggung beberapa negeri, di bawah Barisan Nasional (BN).

“Selangor beri air percuma 20 meter padu (RM11.40) setiap bulan kepada enam juta rakyat. Maka, Kerajaan Negeri tanggung RM180 juta setahun dan ia bukan satu nilai yang sikit.

“Jika negeri ini macam Melaka, Negeri Sembilan atau Pahang, *ghuyup* (*lesap*). Tetapi ini Selangor Darul Ehsan, namanya pun ehsan dan pemimpinnya pun ehsan.

“Akhirnya rakyat dapat



kesejahteraan,” katanya ketika Program Menyantuni Pengundi DUN Sungai Tua di Padang Awam Taman Batu Caves, di sini, pada 27 April lalu.

Katanya, pengundi perlu

membuat pilihan yang betul pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14), pada 9 Mei ini.

“Kesilapan membuat keputusan menyebabkan kita yang ada hari ini dipersalahkan generasi akan datang,” katanya.

Peluang PAKATAN cerah di Lembah Jaya

OLEH HAFIZAN TAIB hapizantaib@mediaselangor.com

—GOMBAK
CALON Pakatan Harapan (PAKATAN), Haniza Talha, mempunyai peluang cerah untuk memenangi Dewan Undangan Negeri (DUN) Lembah Jaya apabila pencalonannya mendapat respon positif masyarakat setempat.

Dalam beberapa program menyantuni rakyat di sekitar kawasan DUN itu, kebanyakan penduduk menyenangi kehadiran beliau yang memberi petanda PAKATAN mempunyai kelebihan, di DUN berkenaan.

Ternyata perpindahan mantan Timbalan Speaker Dewan Negeri Selangor itu dari Taman Medan ke Lembah Jaya tepat pada masanya ekoran kejayaan beliau ketika mewakili DUN terbabit, dua penggal lalu.

Haniza yang juga Timbalan Ketua Wanita KEADILAN berkata, keyakinannya tinggi terhadap sokongan rakyat ekoran kecemerlangan PAKATAN dalam pentadbiran Kerajaan Negeri, sejak 2008.

“Saya selesa dengan keadaan

ini dan akan bawa pengalaman ketika di sana (Taman Medan) supaya dapat memberi khidmat terbaik kepada rakyat, di kawasan ini,” katanya.

Seperti di DUN lain, beliau berkata, Lembah Jaya sentiasa diberi perhatian Kerajaan Negeri melalui program pembangunan yang dijalankan.

“Rakyat diminta terus memberi sokongan kepada PAKATAN supaya program pembangunan dapat terus dilaksanakan,” katanya.

Sidang Redaksi

SELANGOR PEDULI

EDITORIAL Penasihat Lembaga Editorial CCSB Ketua Pengarang Cecelia Alphonsus Pengarang Nurul Farina Nazlan Penolong Pengarang Mohd Ezli Mashut, Naeem Raffi, Afeeqa Afeera
Wartawan Hafizan Taib hapizantaib@mediaselangor.com Nazli Ibrahim nazli@mediaselangor.com Afiz Redzuan syafiq@mediaselangor.com Norhayati Umor hayati@mediaselangor.com
Ermizi Muhamad noraizie@mediaselangor.com Sabirah Aziz maizaitul@mediaselangor.com Sheeda Fathil sheeda@mediaselangor.com Syazwani Sufian syazwani@mediaselangor.com
Nadiah Zamlus sitinadiah@mediaselangor.com Haziq Ismail zulhaziq@mediaselangor.com

Layout & Design Unit Grafik CCSB Jurugambar Asri Sappie, Raheemie Arifin, Hafiz Othman, Fikri Yusof

SALES & MARKETING Advertising Executive Nadhrah (011-1130 0244) Shafiq (017-790 6759)

Communication Corporation Sdn. Bhd. (847095-A) Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No. 1, Persiaran Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor.

Tel: 03-5523 4856 Faks: 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com

RAKYAT ZAHIR RASA GEMBIRA

ADN Sementara berjaya tangani isu komuniti

MASYARAKAT di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sementara melahirkan kegembiraan terhadap Dr Daroyah Alwi yang sentiasa berusaha mendekati dan menangani pelbagai isu dihadapi komuniti, di kawasan berkenaan.

OLEH Hafizan Taib hapizan@mediaselangor.com

Dengan sikap mudah mesra, Ahli Dewan Negeri (ADN) itu sentiasa dialu-alukan kehadirannya dan dalam tempoh lima tahun menabur bakti, beliau disifatkan seorang wakil rakyat yang prihatin terhadap masalah serta kehidupan rakyat diwakilinya.

Seorang ibu tunggal dari Kampung Tok Muda, Siti Zubaidah Salim, 54, berkata pemilihan semula Dr Daroyah sebagai calon untuk DUN itu disambut gembira dan berharap beliau akan diangkat sebagai ADN sekali lagi, dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

"Saya suka kerana beliau seorang yang mudah mesra dan layak menjadi wakil rakyat kerana memahami kehendak penduduk, di kawasan ini.

"Beliau bertanggungjawab dan prihatin akan keperluan rakyat yang banyak memerlukan sumbangan juga khidmat nasihat dalam memajukan diri demi mendepani hidup penuh cabaran, pada masa ini," katanya yang menerima bantuan *Kasih Ibu Smart Selangor* (KISS) diperkenalkan Kerajaan Negeri menerusi agenda *Inisiatif Peduli Rakyat* (IPR).

Seorang lagi penduduk Kampung Tok Muda, Rujiah Arshad, 43, berkata Dr Daroyah dilihat sentiasa memberi penekanan terhadap kesihatan juga keperluan rakyat yang bersesuaian dengan peranan



sebagai Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, .

"Kebajikan rakyat sentiasa diutamakan supaya terbela dan tidak terpinggir. Pelbagai program dijalankan di DUN ini untuk disertai bagi manfaat juga kemajuan diri.

"Program IPR dan Pemberdayaan Wanita Selangor banyak memberi kebaikan kepada golongan wanita seperti saya. Diharap ia akan berterusan dengan Pakatan Harapan (PAKATAN) kekal menerajui, negeri ini," katanya.

Seorang lagi penduduk DUN itu, Aina Amirah Mohd Zaini, 21, berkata anak muda boleh menjadikan Dr Daroyah sebagai sumber inspirasi bagi memajukan diri dalam kerjaya, demi masa depan mereka.

"Dengan usaha gigih, beliau berjaya membina kerjaya hingga

“ Saya sentiasa berusaha menjalankan tanggungjawab demi manfaat rakyat di DUN Sementara dan Selangor serta akan terus menambahbaik perkhidmatan seterusnya pembangunan apabila diberi mandat sekali lagi selepas PRU nanti.

DR DAROYAH ALWI
AHLI DEWAN NEGERI (ADN)
SEMENTA

menjadi seorang doktor dan kini seorang pemimpin masyarakat yang boleh dicontohi generasi muda seperti saya.

"Beliau juga seorang yang

aktif dan mudah didampingi masyarakat yang memerlukan khidmat baktinya," kata graduan pengurusan hotel itu.

Pengalaman manis Dr Daroyah

Sementara itu, Dr Daroyah menzahirkan rasa terima kasih kepada rakyat khususnya di DUN berkenaan yang menyambut baik kehadiran beliau sebagai seorang wakil rakyat, dalam tempoh lima tahun ini.

Sepanjang tempoh berkenaan, beliau sentiasa berusaha membantu rakyat serta golongan sasaran bagi kemajuan diri serta meningkatkan taraf hidup bersesuaian dengan agenda PAKATAN yang mengutamakan kebajikan.

"Ia pengalaman manis saya bersama pentadbiran Kerajaan


Negeri dipimpin Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali dan sebelumnya, untuk menabur khidmat bakti kepada masyarakat.

"Agenda utama PAKATAN ialah rakyat, maka kita bekerja kuat demi kepentingan mereka melalui IPR. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha membantu dalam pelbagai skim, malahan Dato' Menteri Besar sentiasa merancang program tambahan untuk memenuhi keperluan mereka, saban tahun," katanya.

Dr Daroyah berkata, rakyat berhak mendapat segala yang terbaik daripada Kerajaan Negeri yang diberi mandat dan tanggungjawab, bagi tujuan berkenaan.

Sehubungan itu, beliau menyerahkan kepada rakyat bagi membuat keputusan sewajarnya dalam PRU14.

"Saya sentiasa berusaha



(N43)
DUN
SEMENTA

menjalankan tanggungjawab demi manfaat rakyat, di DUN Sementa dan Selangor. Saya juga akan terus menambahbaik perkhidmatan seterusnya pembangunan apabila diberi mandat sekali lagi, selepas PRU nanti.

“Sementa memerlukan pembangunan berterusan daripada pelbagai aspek supaya rakyat dapat menikmati kehidupan lebih baik juga sempurna, pada masa depan,” katanya.

Pembangunan berterusan

Pembangunan di DUN Sementa dijalankan secara berterusan bagi memenuhi keperluan masyarakat bersesuaian dengan peredaran semasa.

Dr Daroyah berkata, pihaknya merancang pelbagai projek pembangunan untuk



“Kami merancang pelbagai projek pembangunan untuk menjadikan DUN itu lebih baik untuk didiami komuniti tempatan.”

DR DAROYAH ALWI
AHLI DEWAN NEGERI
SEMENTA



“Dr Daroyah sentiasa memberi penekanan terhadap kesihatan

juga keperluan rakyat yang bersesuaian dengan peranan sebagai Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga.

RUJIAH ARSHAD
43, PENDUDUK KAMPUNG
TOK MUDA



“Beliau bertanggungjawab dan prihatin akan

keperluan rakyat yang banyak memerlukan sumbangan juga khidmat nasihat dalam memajukan diri demi mendepani hidup penuh cabaran, pada masa ini.

SITI ZUBAIDAH SALIM,
54, IBU TUNGGAL KAMPUNG
TOK MUDA



“Anak muda boleh menjadikan Dr Daroyah sebagai

sumber inspirasi bagi memajukan diri dalam kerjaya, demi masa depan mereka.

AINA AMIRAH MOHD ZAINI,
21 GRADUAN PENGURUSAN
HOTEL

menjadikan DUN itu lebih baik untuk didiami komuniti tempatan.

“Penambahbaikan kepada infrastruktur sedia ada seperti jalan raya rosak dan berlubang serta beberapa kemudahan untuk keselesaan rakyat.

“Untuk menjayakannya, kita mendapat kerjasama daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Pembangunan ini secara berperingkat melalui proses penambahbaikan dan naik taraf selain tidak membabitkan pembinaan bangunan besar yang tak diperlukan,” katanya.

Beliau berkata, rakyat di DUN itu turut mendapat banyak manfaat IPR yang dijayakan Kerajaan Negeri dan antara skim popular ialah pemberian *air percuma*, *Tabung Warisan Anak Selangor*, *Hadiah Anak Masuk Universiti*, *Skim HIJRAH*, *Skim Peduli Sihat* dan *KISS*.

“Pusat Khidmat Masyarakat DUN Sementa yang menjadi tumpuan sentiasa membantu menjalankan pelbagai program untuk disertai masyarakat dan golongan sasaran supaya tidak terpinggir.

“Saya kira masyarakat daripada pelbagai peringkat umur dan bangsa di kawasan ini mendapat banyak kebaikan daripada program yang kita jayakan,” katanya.

Dr Daroyah merakamkan penghargaan kepada semua

pihak yang banyak membantu sepanjang tempoh beliau menjadi ADN di DUN itu dan harapannya semoga rakyat berpuas hati dengan perkhidmatan diberikan.

Persempadanan semula beri kesan besar

Dr Daroyah turut memaklumkan, langkah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) melakukan persempadanan semula kawasan pilihan raya DUN berkenaan memberi kesan besar terhadap sokongan rakyat, dalam PRU14.

Beliau berkata, penambahan kira-kira 30 peratus pengundi Melayu dengan beberapa kawasan baharu dimasukkan ke DUN itu diyakini dirancang bagi memberi kelebihan kepada Barisan Nasional (BN) untuk memenangi kerusi itu.

“Jika sebelum ini, terdapat 46 peratus pengundi Melayu dan kini naik kepada 76 peratus, manakala pengundi Cina daripada 27 peratus merosot kepada 13 peratus serta pengundi India (23 kepada 11%).

“Ia turut memberi kesan kerana terdapat kawasan yang memberi kemenangan kepada saya dikeluarkan seperti Klang Utama dan

Pekan Kapar termasuk Sungai Kapar Indah serta kawasan sekitar yang mempunyai lebih kurang 18,000 pengundi.

“Kini, beberapa kawasan baharu dimasukkan antaranya Kampung Rantau Panjang, Sungai Pinang, Teluk Kapas, Bukit Kapar Utara dan Bukit Kapar Selatan yang juga mempunyai lebih kurang 18,000 pengundi,” katanya.

Beliau berkata, perubahan dengan jumlah pengundi hampir sama tetapi dari kawasan berbeza jelas menggambarkan perancangan kerajaan ditadbir BN bagi mengambillalih DUN berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, PAKATAN tidak mudah mengalah dengan cabaran itu dan akan berjuang demi kepentingan rakyat.

“Bukit Kapar itu kampung saya dan ia kelebihan untuk saya. Daripada reaksi diterima, nyata memberi kesan positif untuk PAKATAN, dalam PRU kali ini.

“Dengan apa yang sudah dilakukan di Selangor khususnya di DUN Sementa, maka saya kira rakyat boleh menilai dengan baik dan membuat keputusan untuk diberikan mandat semula supaya saya dan rakan PAKATAN memenangi PRU14,” katanya.



SUASANA PENAMAAN CALON PRU14







Saban tahun, negara kita dikejutkan dengan isu

kegagalan belia terutama golongan siswazah untuk memperoleh peluang pekerjaan bersesuaian akibat kurang pengalaman dan tiada kemahiran dalam bidang berkenaan.

AZRIL RAMLEE,
27, AHLI PENGGERAK BELIA
TEMPATAN (PEBT),



KADAR PENGANGGURAN DI MALAYSIA MENINGKAT

Siapa HARUS dipersalahkan?

Anak muda lepasan persekolahan, kolej dan universiti semakin sukar mendapat pekerjaan berkualiti, malahan terpaksa bekerja sementara atau kontrak yang langsung tidak menjamin masa depan mereka. OLEH SHEEDA FATHIL sheeda@mediaselangor.com

STATISTIK Daftar Pemilih Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi suku tahun ketiga 2017 menunjukkan pengundi muda berusia lingkungan 21 hingga 39 tahun adalah segmen terbesar dengan jumlah seramai 7.09 juta orang.

Jumlah itu jauh lebih ramai berbanding pengundi berusia 40 hingga 49 tahun (3.01 juta), 50 hingga 59 tahun (2.71 juta), 60 hingga 69 tahun (1.81 juta) dan lain-lain (1.15 juta).

Bagaimanapun, jumlah itu dijangka meningkat apabila SPR menggunakan daftar terbaru pemilih pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) akan datang.

Statistik ini cukup membuktikan bahawa segmen belia memainkan peranan cukup besar dalam mencorakkan masa hadapan negara melalui pilihan yang bakal dibuat, pada PRU-14.

Justeru, memang wajar apabila manifesto Pakatan Harapan (PAKATAN) turut memberi tumpuan bagi merungkai masalah membelenggu golongan ini khususnya isu peluang pekerjaan dan tangga gaji belia.

Antara yang dimuatkan dalam manifesto PAKATAN adalah akan mewujudkan sejuta peluang pekerjaan berkualiti dengan gaji sekurang-kurangnya RM2,500 sebulan untuk anak muda dalam masa lima tahun pertama pentadbiran dan akan memastikan wujudnya mobiliti sosial yang membolehkan lebih ramai menjadi golongan kelas menengah.

Malah, manifesto itu turut menekankan bilangan pengambilan pekerja asing dapat dikurangkan

secara berperingkat dan menteri dilarang sama sekali memberi surat sokongan untuk membawa masuk golongan berkenaan, ke negara ini. Namun, berbeza pula dengan kerajaan Barisan Nasional (BN) yang mahu membawa masuk sejuta lagi pekerja Bangladesh, sekali gus akan melonjak kemasukan warga asing dan merencatkan kenaikan gaji pekerja tempatan.

Kesannya, anak muda lepasan persekolahan, kolej dan universiti semakin sukar mendapat pekerjaan berkualiti, malahan terpaksa bekerja sementara atau kontrak yang langsung tidak menjamin masa depan mereka.

Demi mempersiapkan pekerja Malaysia menghadapi cabaran *Revolusi Industri 4.0*, manifesto PAKATAN mencadangkan mereka yang menganggur akan diberi latihan semula secara percuma dalam sektor baru terutama teknologi.

Selangor sudah lama laksana had gaji minimum

Sejak 2008, pentadbiran Kerajaan Negeri di bawah PAKATAN terus kukuh memacu pertumbuhan ekonomi negeri serta melaksanakan pelbagai pelan reformasi bertujuan membantu meringankan beban rakyat.

Antara manfaat diterima rakyat adalah penetapan had gaji minimum pendapatan bulanan sejumlah RM1,500 kepada penjawat awam. Walaupun pada masa itu, ia memfokuskan kepada penjawat awam, namun dalam manifesto PRU14, PAKATAN mengumumkan bakal melaksanakan had gaji minimum RM1,500 itu kepada seluruh rakyat di Malaysia jika mereka memenangi pilihan raya nanti.

Hal ini, sekali gus menjadi ikutan kerajaan BN untuk turut melaksanakan had gaji minimum RM1,500 sebulan, dalam manifesto PRU14 mereka.



Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) juga sukar mencapai kejayaan jika majikan hanya menggunakan skim ini untuk memberi status kontrak jangka masa pendek tanpa melihat sewajarnya perlu ada perkembangan kerjaya kepada golongan belia.

PROF MADYA DR HAMDAN DATO' SALLEH
DEKAN PUSAT PEMBANGUNAN ASASI UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)

ucap pada perutusan Hari Pekerja lalu melontarkan, Kerajaan Negeri konsisten mahu melihat dasar gaji minimum itu diperjuangkan bukan sahaja di Selangor, bahkan di peringkat nasional.

Berdasarkan kajian daripada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dan Kesaksamaan Scotland, gaji minimum diperkenalkan bertujuan menjaga hak dan kebajikan pekerja atau lebih dikenali sebagai *fair pay (gaji adil)*.

Malah, Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) berpendapat, pentingnya pelaksanaan gaji minimum kerana ia berkait rapat dengan hak dan kebajikan seseorang pekerja selain membantu golongan kurang berkemampuan.

Memetik kenyataan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), lebih 90 peratus negara di seluruh dunia sudah mengamalkan dasar gaji minimum bersesuaian dengan sistem ekonomi

PAKATAN mahu dasar gaji minimum diperjuangkan

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, ketika ber-



10 NEGARA MENGAMALKAN GAJI MINIMUM

- Australia
- Belgium
- Ireland
- Perancis
- Netherlands
- Luxembourg
- New Zealand
- Jerman
- Kanada
- United Kingdom



lebih cerah dan berkualiti.

"Malah, ia pasti memberi impak yang amat besar kepada Selangor dalam menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0," katanya.

Kerajaan Persekutuan belum berjaya tangani isu pengangguran

Berdasarkan data Jabatan Statistik Malaysia, terdapat isu yang sangat membimbangkan berhubung masalah pengangguran, di Malaysia.

Dr Hamdan berkata, terdapat penurunan ketara berhubung peratus peluang pekerjaan yang dibuka untuk warga Malaysia.

"Secara purata, antara tahun 2011 hingga 2014, sekitar 94 peratus peluang pekerjaan di Malaysia adalah untuk warganegara negara ini.

"Namun, tahun 2015 pula menyaksikan hanya 35.6 peratus peluang pekerjaan untuk warganegara, manakala 64.4 peratus diberikan kepada warga asing," katanya.

Dr Hamdan yang juga *Felo Penyelidik Penubuhan Institut Kajian Pilihan Raya dan Pemajuan Demokrasi* (IESAD) berkata, tambah membimbangkan pada tahun 2016 apabila hanya 18.5 peratus peluang pekerjaan terbuka kepada warganegara Malaysia, manakala 81.5 peratus untuk warga asing.

"Data ini jelas membuktikan bahawa kadar pengangguran semakin meruncing apabila 50 peratus pekerjaan yang dicipta di Malaysia diberi kepada warga asing dan hal ini perlu ditangani secara holistik.

"Ia jelas menunjukkan Kera-

jaan Persekutuan gagal menangani isu pengangguran walaupun pelaburan demi pelaburan dibawa masuk, ke negara ini," katanya.

Katanya, tidak berbaloi jika ekonomi yang dirasakan gah dengan pelbagai pertumbuhan hebat, namun masih gagal memberi ruang dan peluang pekerjaan kepada anak muda Malaysia.

Beliau berkata, walaupun Kerajaan Persekutuan melancarkan program *Inisiatif Melestari Pembangunan Komuniti* (IMPAK) dengan menjanjikan 2.6 juta peluang pekerjaan, namun ia masih sukar untuk direalisasikan seandainya isu sebegini tidak mampu diselesaikan.

"Program *Skim Latihan 1Malaysia* (SL1M) juga sukar mencapai kejayaan jika majikan hanya menggunakan skim ini untuk memberi status kontrak jangka masa pendek tanpa melihat sewajarnya perlu ada perkembangan kerjaya kepada golongan belia," katanya.

Peluang pekerjaan kemahiran tinggi semakin merosot

Trend pendidikan pada masa kini menjadi antara punca utama peluang pekerjaan berkemahiran tinggi (gaji tinggi) semakin merosot. Dr Hamdan berkata, *Bank Negara Malaysia* (BNM) menunjukkan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi hanya mampu menampung 650,000 pekerja, sedangkan graduan yang dihasilkan adalah sekitar 880,000.

"Jumlah peratusan pekerjaan baru untuk berkemahiran tinggi dalam tempoh 2011 hingga 2017 hanya 37 peratus, sekali gus menunjukkan 12 peratus penurunan, dalam tempoh 2001 hingga 2010.

"Malah, paling mengejutkan apabila peluang pekerjaan kini lebih tertumpu kepada berkemahiran rendah dan sederhana," katanya.

Beliau berkata, hal itu menjadikan peluang warganegara Malaysia untuk mendapat kerja bergaji tinggi semakin tipis.

PAKATAN perlu jadikan isu pengangguran perkara utama

Pada masa sama, Dr Hamdan berharap, PAKATAN menjadikan masalah pengangguran sebagai isu utama untuk diselesaikan, selepas PRU14.

"Hal ini penting bagi menjamin kelangsungan hidup terutama golongan sederhana yang terkesan dengan cabaran mendapatkan pekerjaan.

"Usaha ini perlu dilakukan dengan lebih holistik dan tidak hanya memfokuskan kepada golo-

ngan belia semata-mata tetapi Orang Kelainan Upaya juga patut diberikan lebih peluang pekerjaan," katanya.

Selain itu, beliau turut berpendapat, PAKATAN perlu mewujudkan dasar berpaksikan pembangunan insan selain daripada usaha melahirkan tenaga kerja yang bukan sahaja berkemahiran tetapi mampu memimpin negara dengan penuh adil.

"Usaha sebegini yang membezakan dasar sedia ada, sekali gus mampu melahirkan generasi lebih baik dan komited," katanya.

Belia mahu kerajaan yang tahu selesai isu pengangguran

Kebanyakan golongan belia mahu sebuah kerajaan yang mampu menyelesaikan isu pengangguran dengan segera.

Salah seorang ahli Penggerak Belia Tempatan (PeBT), **Azril Ramlee**, 27, berkata tidak dinafikan bahawa status pengangguran dalam kalangan belia semakin meningkat.

Beliau berkata, hal itu dapat dibuktikan menerusi kajian dilakukan *Agensi Penyelidikan Pasaran Global* (IPSOS) terhadap 2,027 responden berumur 15 hingga 64 tahun di Malaysia iaitu isu pengangguran tersenarai pada kedudukan ketiga tertinggi dalam "*Apa yang Merisaukan Malaysia*" pada 2017.

"Sababnya, negara kita dikejutkan dengan isu kegagalan belia terutama golongan siswazah untuk memperoleh peluang pekerjaan yang bersesuaian akibat kurang pengalaman dan tiada kemahiran, dalam bidang berkenaan.

"Malah, majikan harus dipersalahkan apabila kebanyakan daripada mereka hanya mahukan pekerja berpengalaman, sedangkan yang ditemuduga adalah lepasan siswazah baru tamat pengajian," katanya.

Beliau yang juga bekerja sebagai kerani di salah sebuah syarikat swasta berkata, turut terkesan apabila kebanyakan pekerja baru yang diambil sesebuah syarikat kini hanya diberi lantikan kontrak.

Manakala, seorang lagi ahli PeBT, **Mohd Hatem Zakaria**, 28, berkata, komitmen kerajaan dalam menyediakan peluang pekerjaan harus ditingkatkan dari semasa ke semasa setanding dengan bilangan graduan yang semakin meningkat.

"Kerajaan perlu mengurangkan pengambilan pekerja asing dan terus membuka lebih peluang kepada warganegara Malaysia terutama golongan belia," katanya.

Kerajaan perlu mengurangkan pengambilan pekerja asing dan terus membuka lebih peluang kepada warganegara Malaysia terutama golongan belia.

MOHD HATEM ZAKARIA,
28, AHLI PENGGERAK BELIA TEMPATAN (PEBT).



negara masing-masing.

Malah, ada yang sudah menguatkuasakan dasar gaji minimum itu seawal tahun 1900 seperti Australia yang melaksanakannya sejak 1904 manakala Amerika Syarikat pula, pada 1938.

Selangor sedia hadapi cabaran Revolusi Industri 4.0

Dalam konteks membuka peluang pekerjaan kepada golongan muda, Kerajaan Negeri komited menyediakan belia berkemahiran tinggi daripada pelbagai institusi pengajian tinggi yang ada di negeri ini, demi menempuh cabaran Revolusi Industri 4.0.

Dekan Pusat Pembangunan Asasi Universiti Selangor (UNISEL), **ProfMadya Dr Hamdan Dato' Salleh** berkata, karnival kerjaya dan pendidikan adalah program biasa yang dilaksanakan oleh setiap agensi kerajaan.

Namun, katanya, ia berbeza dengan Kerajaan Negeri yang

berusaha sedaya upaya membuka ruang pekerjaan kepada rakyat dengan menarik pelaburan luar negara masuk, ke negeri ini.

"Usaha ini sangat unik kerana ia sebenarnya memaparkan komitmen Kerajaan Negeri ke arah memberdayakan rakyatnya.

"Kaedah dilaksanakan Kerajaan Negeri ternyata berkesan kerana usaha membawa pelaburan semata-mata tidak mencukupi jika rakyat tidak mendapat ruang seperti yang berlaku dalam pelaburan, di negeri lain," katanya ketika dihubungi *SelangorKini*.

Dr Hamdan berkata, contoh terbaik adalah kejayaan Selangor mendapat pelaburan lebih RM7 bilion pada tahun 2017 termasuk kejayaan mendapatkan pelabur mega seperti *Toyota* dan *Rolls Royce*.

"Hal itu, sekali gus memberi ruang kepada rakyat negeri ini terutama golongan belia mendapat peluang pekerjaan yang

TAWARAN KENDERA SAJI

KoHIJRAH bantu buka peluang perniagaan lebih besar

Pendekatan sajian makanan menerusi *food truck* atau kendera saji yang sudah lama popular di Barat kini semakin mendapat tempat, di negara ini. Perniagaan sajian kendera saji ini juga semakin menjadi pilihan warga tempatan terutama usahawan bumiputera.

OLEH SYAZWANI SUFIAN syazwani@mediaselangor.com

Mereka juga semakin bijak menilai permintaannya yang tinggi dan mengambil peluang mengembangkan perniagaan melalui kaedah ini.

Usahawan kendera saji atau *food truck* adalah bidang yang sesuai diceburi oleh mereka yang baharu berjinak, dalam dunia perniagaan.

Selain itu, usahawan sedia ada juga kini gemar beralih kepada kendera saji terutama bagi mereka yang berdepan dengan masalah kadar sewa kedai mahal dan lokasi perniagaan tidak strategik.

Melihat perkembangan itu, *Koperasi Warga Hijrah Selangor* (KoHIJRAH) mengambil inisiatif membantu usahawannya dengan mengeluarkan *mobile truck* bagi memperkasa konsep usahawan berniaga menggunakan kenderaan persendirian kepada kaedah berkenaan.

Ia bertujuan membuka ruang dan peluang perniagaan lebih besar kepada peserta HIJRAH.

“ Kita berharap dengan tawaran ini dapat membantu mereka merealisasikan cita-cita menjadi usahawan kendera saji yang berjaya. ”

MOHAMMAD SYUKRI ISMAIL
PENGURUS KOHIJRAH

Dua pilihan kendera saji

Sehubungan itu, Pengurus KoHIJRAH, **Mohammad Syukri Ismail** berkata, pihaknya menawarkan kendera saji yang terbahagi kepada dua pilihan iaitu *medium truck* dan *high truck* jenis *Toyota Dyna 3000cc*.

"Dua kendera saji itu masing-masing dijual dengan harga bawah RM98,000.

"Kita berharap dengan tawaran ini dapat membantu mereka merealisasikan cita-cita menjadi usahawan kendera saji yang berjaya," katanya.

Syukri berkata, pihaknya



juga menawarkan *Mobile Cart* dengan kelengkapan empat unit dapur seperti untuk membakar, menggoreng, mencelup dan membakar *burger* dengan harga RM30,000.

"Ia juga dilengkapi dua sinki bersama satu tangki air bersih dan satu tangki air kumbahan bagi menjaga kebersihan.

"Kita juga menawarkan lori *pick up* pasar malam jenis *Daihatsu Hijet* yang dijual dengan harga, di bawah RM45,000," katanya.

Syukri berkata, *sticker* bagi mempromosi produk usahawan dan permit menunda unit yang diluluskan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) turut diterima termasuk dalam harga jualan bagi memudahkan urusan peniaga.

Tawar lima pilihan Vending Machine

Selain daripada konsep *mobile truck*, KoHIJRAH juga mengeluarkan penjualan produk *Vending Machine* kepada usahawan dengan lima pilihan.

Katanya, hal itu kerana ia tidak membabitkan modal penawaran yang besar tetapi menawarkan potensi perniagaan lebih meluas ekoran *trend* perniagaan kendera saji yang

semakin popular.

"Usahawan makanan sering tersepit dengan masalah sewa kedai yang meningkat saban tahun dan lokasi perniagaan tidak strategik.

"Melalui kendera saji, peniaga boleh bergerak ke mana saja. Itu antara kelebihan tanpa perlu bimbang tidak mempunyai pelanggan," katanya.

Syukri berkata, KoHIJRAH berjaya mengeluarkan tujuh unit *mobile cart* dan sembilan unit *Daihatsu Hijet*, bagi tempoh tiga bulan pelaksanaannya.

Tiga tapak bantu usahawan kendera saji

Selain itu, KoHIJRAH juga menyediakan tiga tapak kendera saji kepada usahawan untuk menjalankan perniagaan mereka.

"Tapak yang kita ada antaranya di Suria Jaya Mall, Padang Jawa, dengan kadar sewaan tapak serendah RM12 sehari atau RM300 sebulan, bermula jam 12 tengahari hingga 11 malam.

"Tapak ini boleh memuatkan kapasiti 15 kendera saji. Sementara itu, kita juga buka

tapak kendera saji di Kolej ke-10 dan ke-11 Universiti Putra Malaysia dengan masing-masing terdapat lima kenderaan beroperasi," katanya.

Terdahulu, *Selangor Kini* difahamkan, kilang kendera saji yang dijayakan KoHIJRAH baharu memulakan beroperasi di bawah seliaan Yayasan HIJRAH Selangor, pada November tahun lalu.

Hasrat penubuhannya dicituskan Pengerusi Eksekutif Yayasan HIJRAH Selangor, **Dato' Mansor Othman**, bagi memelihara kebajikan dan memberi manfaat kepada usahawan HIJRAH juga seluruh kakitangannya.

KoHIJRAH berhasrat mencapai visi menjadi koperasi yang berpotensi membangunkan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan anggota serta memacu kemajuan.

Ia diperluaskan dengan menyasarkan golongan ibu tunggal, asnaf, pekerja ladang, belia dan Orang Kelainan Upaya.





HIJRAH BANTU PERNIAGA GERAJALANAN

Tingkat pendapatan Nasi Kerabu Tumis Mama Sya

Perusahaan Nasi Kerabu Tumis Mama Sya memulakan perniagaannya, di pinggir jalan, sekitar awal tahun 2014. Pada awal operasinya, perniagaan yang diusahakan **Farasha Adleyza Muhamad, 33**, hanya bermodalkan 'sebuah meja dan payung' juga magis masakan berlauk pantai timur keluarganya.

OLEH **ERMIZI MUHAMAD** noraizie@mediaselangor.com

Namun, percaturan pemiliknya untuk memohon pembiayaan

Hijrah Selangor (HIJRAH) akhirnya membuahkan hasil.

"Awalnya saya menjual nasi kerabu berlauk, di pinggir jalan sahaja. Tetapi selepas mendapat pendedahan berkenaan HIJRAH, saya amat tertarik dengan tawaran yang diberikan di bawah skim yang diperkenalkan Kerajaan Selangor itu.

"Ini kerana, saya dimaklumkan pembiayaan kewangan itu tidak mengenakan sebarang kadar faedah seperti pinjaman daripada bank tempatan.

"Seterusnya, saya bersetuju untuk membuat pembiayaan pertama sekitar RM3,000 untuk membeli kelengkapan sebagai modal tambahan.

"Daripada bantuan itu, sedikit demi sedikit saya berjaya menambah modal perniagaan dan pulangan yang baik kepada perniagaan nasi kerabu saya,"

katanya kepada *SelangorKini*.

Jualan terus meningkat

Tidak terhenti setakat itu, selepas berjaya menyelesaikan pembiayaan mengikut tempoh ditetapkan HIJRAH, beliau menerima tawaran lanjutan pembiayaan sebanyak RM7,000.

Daripada jumlah itu, sayap perusahaan Nasi Kerabu Tumis Mama Sya terus diperlebar apabila perniagaan Farasha Adleyza berjaya dimajukan selangkah lagi.

Tidak hanya menjual makanan di gerai tepi jalan, beliau seterusnya turut menerima tempahan makanan daripada syarikat swasta, individu tertentu, kenalan rapat dan pelbagai agensi lain.

"Selepas mengambil kira perkembangan perniagaan ini, maka ia mendorong saya untuk menambah pembiayaan bagi modal perniagaan.

"Melalui HIJRAH, dulunya boleh dikira dengan jari jumlah bungkusan makanan yang terjual. Tetapi kini, saya mampu

“Melalui HIJRAH, dulunya boleh dikira dengan jari jumlah bungkusan makanan yang terjual. Tetapi kini, saya mampu menjual 300 bungkusan atau lebih, dalam tempoh sehari.”

FARASHA ADLEYZA MUHAMAD,
PERUSAHAAN NASI KERABU TUMIS
MAMA SYA

menjual 300 bungkusan atau lebih, dalam tempoh sehari," katanya.

Malah, lebih membanggakan, kata Farasha Adleyza, beliau sudah mampu membuka cawangan kedua Nasi Kerabu Tumis Mama Sya dalam tempoh tahun pertama pembukaan gerai makanan jalannya.

Gerai yang terletak di Kampung Jawa, Klang itu kini menerima jumlah kedatangan pembeli yang cukup baik terutama ketika waktu puncak.

restoran yang lebih baik, pada masa akan datang.

"Tetapi, selepas melalui beberapa fasa kejayaan perniagaan ini, maka saya kini sedang dalam proses untuk mendapatkan tapak bagi pembukaan gerai baru yang lebih besar dan selesa.

"Saya percaya, perancangan ini mampu direalisasikan menerusi bantuan berterusan HIJRAH di bawah pembiayaan lanjutan sebanyak RM15,000.

"Paling mudah, peniaga baru hanya perlu mempunyai iltizam tinggi dan jaminan untuk membuat pembiayaan bayaran balik dengan rekod yang baik," katanya.

Kejayaan bukan cerita kosong

Bagaimanapun, cerita kejayaan Nasi Kerabu Tumis Mama Sya bukan sekadar cerita kosong.

Kejayaan Farasha Adleyza satu lagi bukti kesungguhan Kerajaan Negeri dalam membuka peluang kepada usahawan mengembangkan sayap perniagaan mereka.

Dilancarkan secara rasmi pada 24 Mac 2015, HIJRAH memberi kemudahan pinjaman modal tambahan kepada usahawan untuk mendapatkan pulangan hasil lebih tinggi.

Ia sekali gus mampu meningkatkan pendapatan menerusi aktiviti keusahawanan dan menggalakkan anak muda untuk lebih berjaya, dalam bidang perniagaan.

Perkembangan ini seterusnya menyumbang kepada kemakmuran ekonomi negeri dan memartabatkan Selangor selaku negeri termaju serta penyumbang terbesar pendapatan negara.





Sokongan berterusan HIJRAH

Pastinya, kejayaan perusahaan itu didorong sokongan berterusan pengurusan HIJRAH yang turut memberikan bantuan maklumat dan jaringan lanjut untuk memperlebar perniagaan peserta skim berkenaan.

Akhirnya, kejayaan terbesar kini sedang diraih peniaga tempatan itu apabila perusahaan Nasi Kerabu Tumis Mama Sya bakal memperluaskan operasi perniagaan menerusi pembukaan sebuah lagi cawangan baru.

"Ini sebahagian daripada perancangan awal saya untuk memiliki sebuah gerai atau



LOKASI MENARIK MINGGU INI

Enam persinggahan sejarah Bukit Malawati

Bila sebut sahaja Bukit Malawati, sudah pasti sesetengah daripada kita pernah mendengar kewujudannya yang menyimpan pelbagai kisah sejarah dengan 1001 kisah unik dan lagenda penuh misteri. OLEH ZAREEF MUZAMMIL editor@mediaselangor.com

BUKIT MALAWATI adalah bekas pusat pentadbiran dan kota kesultanan Kerajaan Selangor, namun disebaliknya terselit sisi eksentrik yang masih menjadi buah mulut, sehingga kini.

Menyingkap sejarah lampau, Bukit Malawati antara lokasi yang pernah ditakluki Belanda daripada tangan Sultan Ibrahim pada Julai 1784 sebelum dirampas kembali setahun kemudian pada 28 Januari 1785, dalam masa satu malam.

Kedudukan Bukit Melawati cukup strategik kerana menghadap laut Selat Melaka dan Sumatera, Indonesia serta berada di tempat tinggi menjadikan ia sesuai



Muzium Sejarah

sebagai kubu pertahanan. Musuh yang datang dari bawah dapat dikesan dengan mudah.

Oleh itu, ia harus dilawati kerana turut menawarkan banyak lokasi persinggahan menarik. Malah, pengunjung yang datang berpeluang menikmati aura Kuala Selangor menerusi bukit yang memiliki kesan keramat dan dongeng.

Berikut enam tempat unik dan bersejarah yang terdapat di Bukit Malawati:

1 MUZIUM SEJARAH

MUZIUM Sejarah menyaksikan bermulanya Institusi Kesultanan Selangor yang diasaskan oleh Raja Lumu (Sultan Salehuddin), pada tahun 1766.

Di situ menghimpunkan segala pensejarahan berhubung Kuala Selangor sebagai pusat pentadbiran Selangor terawal.

Ruang pameran dibahagikan kepada tujuh seksyen yang menerangkan secara kronologi sejarah daerah Kuala Selangor.

Antara tarikan lain, di hadapan pintu masuk muzium terdapat sebuah bangunan yang digelar Baitul Hilal.

Bangunan ringkas dengan sentuhan Islamik ini menjadi tempat mencerap anak bulan bagi menentukan tarikh awal Ramadan, Syawal dan hari raya haji.

Jika cuaca baik, pengunjung boleh menyaksikan sendiri kapal dagang yang melalui laluan perjalanan laut dan melihat keindahan Selat Melaka, dari atas Bukit Malawati.

2 BATU HAMPAR

TERLETAK di pintu masuk Kota Melawati dan ia dipercayai menjadi tempat untuk memancung kepala pesalah yang dijatuhkan hukuman bunuh.

Mengikut cerita lisan, ia adalah seketul batu pejal empat segi yang beralaskan longgokan tanah pasir sebagai tapaknya.

Terdapat segelintir orang kampung mendakwa Batu Hampar menjadi tempat hukuman pancung seorang dayang yang berzina dan darahnya disimbah, ke sekitar bukit.

Kira-kira 120 meter dari Batu Hampar, sambil menuruni beberapa anak tangga, pengunjung berpeluang melihat Busut Malawati.

Jika mengarah pandangan ke hadapan akan tertumpu pemandangan ke sebuah busut yang dibina dari tanah seluas 20x20 kaki persegi dan tingginya melebihi 15 kaki.

Ada dua tujuan dibina iaitu sebagai tempat sultan berehat

dengan raja dari negeri lain yang datang melawat Kuala Selangor sambil menyaksikan perlawanan ayam dan sebagai gedung menyimpan harta kerajaan, pada masa itu.

3 MERIAM SULTAN IBRAHIM

SELAIN kisah Batu Hampar, terdapat meriam Sultan Ibrahim yang dikatakan meletup, secara tiba-tiba.

Kejadian itu berlaku dua kali. Sekali pada 1960 dan pada 1975 ketika hari ke-28 dalam bulan Ramadan. Punca meriam itu meletup sendiri masih menjadi misteri.

Malah, ada yang mengatakan ia akan meletup sendiri setiap kali pertabalan Sultan Selangor yang baharu. Meriam penggawa yang sentiasa dibalut kain kuning ini terletak di dalam kawasan Makam Tiga Sultan.

Kedua-dua peristiwa berkenaan menimbulkan kegemparan kepada penduduk kampung pada waktu itu sehingga membuat solat hajat



1. Busut Melawati
2. makam Anak Dara
3. makam Di raja
4. Meriam Sultan Ibrahim
5. Meriam Sejarah
6. Meriam Sultan Ibrahim
7. Pintu masuk Bukit Melawati
8. Muzium Sejarah
9. Pasara Panglima Hitam



dan doa selamat supaya Allah SWT menjaga mereka daripada sebarang malapetaka.

Ketika kejadian meriam meletup sendiri pada 1975, pokok sekitar jalan Kuala Selangor sepanjang lebih kurang 20 kilometer terbakar dan tunduk sendiri.

4 MAKAM DI RAJA

TERDIRI daripada sebuah bangunan kira-kira 40x30 kaki persegi.

Di sinilah bersemadanya tiga sultan yang pernah menaungi Selangor iaitu Sultan Selangor pertama, Sultan Salahuddin (1742-1778), Sultan Selangor kedua, Sultan Ibrahim (1778-1826) dan Sultan Selangor ketiga, Sultan Mahmud (1826-1857).

Makam ini masih dipelihara dengan baik dan boleh dikunjungi pelancong.

5 MAKAM ANAK DARA

TERLETAK di hujung jalan ke Tanjung Keramat kira-kira sebati dari bandar Kuala Selangor dan ia berada di atas bukit keramat setinggi 100 kaki dari aras laut, di pinggir Tasik Shina.

Menurut versi cerita lisan orang kampung, seorang anak dara yang warak dipaksa berkahwin dengan seorang pemuda walaupun dia tidak bersetuju.

Gadis itu dikenali dengan nama Siti Rubiah dan beliau tiba-tiba ghaib, pada malam pernikahan.

Oleh kerana jasad Siti Rubiah tidak ditemui, maka sebuah kubur dibina oleh ibu bapanya bagi memperingati beliau.

Penduduk tempatan yang ditemui mendakwa pernah terserempak dengan Siti Rubiah dan dikatakan seorang gadis yang cukup cantik dengan rambutnya panjang melepasi bahu.

Ketika ini, bukit kecil di Tasik

Shina hanya tinggal busut sahaja kerana batu di kelilingnya sudah diletupkan bagi pembinaan jalan raya.

6 PUSARA PANGLIMA HITAM

DIPANGGIL Panglima Hitam kerana berkulit gelap, selain sering memakai tengkolok, baju dan seluar berwarna hitam.

Beliau salah seorang panglima Selangor yang sama-sama menghalau Belanda dari bumi Selangor, dalam tahun 1875. Nama gelaran Panglima Hitam ini ada di mana-mana kerajaan Melayu.

Beliau juga seorang pegawai istana dan dihormati rakyat, ketika itu. Ia juga dianggap simbol kehebatan dan 'semangat' orang Melayu selain taat kepada sultan.

Kisah seorang pegawai istana, Panglima Hitam, juga memberi nilai sejarah dan semangat keperwiraan kepada warga Kuala Selangor.

Batu nisan ini berukir indah

seolah-olah hulu keris. Nisan ini sentiasa berlilit dengan kain berwarna hitam yang mengingatkan bahawa beliau adalah seorang Panglima Hitam Selangor yang handal.

Ada yang menafikan bahawa pusara itu bukan kepunyaan Panglima Hitam Selangor seperti nama yang diwartakan. Ada satu pendapat, sebenarnya pusara itu milik seorang Panglima Wanita Melayu bernama Nakhoda Aisyah bersama rakyat Selangor.

Apa yang menarik adalah makam ini ditanda batu nesan Aceh.



10. Batu Hampar
11. Muzium Sejarah
12. Muzium Sejarah



INFO:

Alamat : Puncak Bukit Malawati, 45000 Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan

Tel : 603- 3289 7167

Fax : 603- 3289 6115

Waktu Operasi : Sabtu-Khamis (9.30 pagi-5.30 petang), Jumaat (9.30 pagi-12 tengahari & 2.45 petang -5.30 petang)

Tambang Tram : Dewasa (RM5), Kanak-kanak (RM3)



KERAJAAN NEGERI UTAMA PENDIDIKAN

Anak pekerja ladang terus dipedulikan

Kewujudan Tabung Anak Pekerja Ladang oleh Kerajaan Negeri adalah perkara yang amat bagus, di samping memberi semangat kepada mereka melanjutkan pengajian ke peringkat tertinggi.

OLEH SHEEDA FATHIL sheeda@mediaselangor.com

Tabung Anak Pekerja Ladang satu program bertujuan membantu anak golongan berkenaan mendapat pendidikan yang sempurna dan cemerlang, dalam pelajaran.

Pada masa sama, ia membantu anak pekerja ladang meningkatkan prestasi pelajaran serta mendapat kemahiran teknikal (*bagi yang kurang berjaya dalam bidang akademik*).

Program itu dilaksanakan menerusi bantuan biasiswa *one-off* kepada anak pekerja ladang dan diberikan untuk membiayai pembayaran semester pertama pembelajaran.

Pada masa sama, ia turut bekerjasama dengan Kolej Industri Pendidikan Negeri Selangor (INPENS) dalam program teknikal dengan kos pembelajaran dibiayai, sepanjang pengajian.

Manakala, antara pelaksanaan lain adalah Kelas Tambahan Sekolah Tamil untuk pelajar Ujian

Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), program usahasama dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan subsidi Tambang Bas Sekolah.

Bukti Kerajaan Negeri peduli rakyat

Exco Kemiskinan, Kerajaan Prihatin dan Pekerja Ladang, **V Ganabatirau** berkata, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk membantu dan mengembalikan segala yang sepatutnya menjadi hak rakyat.

"Saya selaku Exco Pekerja Ladang diberi amanah dan tanggungjawab membantu golongan ini supaya mereka lebih bersemangat untuk melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat tertinggi.

"Dengan pemberian ini, maka ia sedikit sebanyak membantu meringankan beban anak pekerja ladang yang berjaya melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi awam atau swasta," katanya.

Ganabatirau berkata, inisiatif

Kerajaan Negeri dalam melaksanakan program sebegini tepat pada masanya akibat pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang sering tidak mencukupi.

"Kebanyakan penerima bantuan Tabung Anak Pekerja Ladang masing-masing mempunyai akademik cemerlang dan mereka layak dihargai dengan pemberian bantuan sebegini.

"Kita akan sentiasa meneruskan agenda inisiatif peduli untuk rakyat Selangor, pada masa akan datang," katanya.

Penerima akui inisiatif membantu

Kebanyakan penerima mengakui inisiatif Tabung Anak Pekerja Ladang itu amat membantu meringankan beban mereka ketika diterima melanjutkan pengajian ke peringkat tertinggi.

Salah seorang penerima, **C Leelaambigai**, 25, berkata, beliau bukan datang daripada keluarga berpendapatan tinggi dan amat sukar untuknya mencari wang ketika mula mendapat tawaran melanjutkan pelajaran.

"Apabila dapat tahu Kerajaan Negeri melaksanakan inisiatif Tabung Anak Pekerja Ladang, maka saya cuba memohon dan bersyukur kerana terpilih sebagai salah seorang penerima," katanya yang kini melanjutkan pengajian dalam bidang arkitek di Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur (KLIUC).

Manakala, **S Somaranjini**, 22, berkata, beliau berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana melaksanakan Tabung Anak Pekerja Ladang dan berharap ia akan diteruskan, pada masa akan datang.

"Kewujudan inisiatif ini membuatkan golongan kami (*anak pekerja ladang*) berasa tidak tersisih, malahan amat dihargai," katanya yang kini melanjutkan pelajaran dalam bidang Sains

“ Dengan pemberian ini, ia sedikit sebanyak membantu meringankan beban anak pekerja ladang yang berjaya melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi awam atau swasta.

V GANABATIRAU
AHLI DEWAN NEGERI KOTA ALAM SHAH/EXCO KEMISKINAN, KERAJAAN PRIHATIN DAN PEKERJA LADANG



“ Ber-syukur kerana terpilih sebagai salah seorang penerima.

salah seorang penerima.

C LEELAAMBIGAI, 25, PELAJAR, UNIVERSITI INFRASTRUKTUR KUALA LUMPUR (KLIUC)

“ Saya berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana melaksanakan Tabung Anak Pekerja Ladang dan berharap ia akan diteruskan, pada masa akan datang.



beratkan pendidikan.

S SOMARANJINI, 22, PELAJAR MANAGEMENT AND SCIENCE UNIVERSITY (MSU)



“ Pengenalan inisiatif Tabung Anak

Pekerja Ladang membuktikan Kerajaan Negeri begitu prihatin dan menitikberatkan pendidikan.

K PAVITHIRAN, 23, PELAJAR UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)

dan Teknologi Makanan, di Management and Science University (MSU).

Sementara itu, pelajar Universiti Selangor (UNISEL), **K Pavithiran**, 23, berkata, pengenalan inisiatif Tabung Anak Pekerja Ladang membuktikan Kerajaan Negeri begitu prihatin dan menitik-

INFOGRAFIK

Penerima Tabung Anak Pekerja Ladang

- 2014 : 5
- 2015 : 15
- 2016 : 35
- 2017 : 79
- 2018 : 36 (setakat 7 April)

Belanjawan 2018 (Tabung Anak Pekerja Ladang)

- Peruntukan RM500,000
- Program peningkatan kemahiran
- Mengupayakan golongan anak pekerja ladang
- Menggilap potensi demi masa depan

Kriteria permohonan

- Ibu atau Bapa lahir di Selangor
- Bermastautin di Selangor tidak lebih 5 tahun
- Keluarga berpendapatan kurang RM1,500
- Perlu membawa kad pengenalan dan surat tawaran IPTA/IPTS
- Perlu membawa slip gaji ibu/bapa
- Permohonan dibuat di Pejabat Exco Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin, di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah